



conference proceeding



# SIMPOSIUM NUSANTARA<sup>9</sup>

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO  
*Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World*

11 & 12 December 2012  
Al-Khawarizmi Lecture Hall  
UiTM(Perak)

Organized by:  
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE: EP310

# EPISTEMOLOGI PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM VS PEMBANGUNAN EKONOMI BARAT

**Ahmad Fauzee Bin Abdullah<sup>1</sup> & Kalsom Bt Awang<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia  
ahmad308@perak.uitm.edu.my

---

## Abstrak

Secara umum, pembangunan di dunia sekarang dibina daripada dua falsafah yang dominan, iaitu Falsafah Pembangunan Kapitalis dan Falsafah Pembangunan Marxis. Kedua-dua falsafah ini menggunakan perkaedahan Sains Sosial Barat yang mempamerkan bahawa hukum kemajuan bagi mereka bermaksud menuju ke arah kemajuan kebendaan dan pemusnahan masyarakat tradisi. Analisis mereka juga tertumpu kepada lingkungan hubungan antara manusia dan manusia, manusia dan alam sahaja, tanpa melibatkan perhubungan manusia dengan Pencipta. Dalam perspektif Islam, manusia adalah khalifah Allah. Ukuran pembangunan pula bukan kebendaan dan kepenggunaan, tetapi sebaliknya ialah iman dan taqwa. Kemajuan tidak sepatutnya dijadikan proses untuk melepaskan diri dari kepercayaan agama, malah agama adalah merupakan penentu kepada pembangunan. Kertas kerja ini cuba menjelaskan bagaimana wujudnya pertembungan pemikiran dan falsafah antara pembangunan dari sudut pandangan Islam dengan pemikiran falsafah barat. Perkara ini sering menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam khasnya dan negara Islam amnya. Ini adalah disebabkan sering berlaku campuraduk antara dua epistemologi yang begitu berbeza, samada di segi dasarnya, prinsipnya serta seluruh kerangka pembangunan itu sendiri.

**Kata kunci :** Pembangunan, Falsafah, Khalifah, Epistemologi, Taqwa

---

## 1. Pendahuluan

Persoalan pembangunan sering menimbulkan perbahasan di kalangan para sarjana dan pembuat dasar pembangunan khususnya di negara-negara umat Islam. Ini berpunca dari kebanyakan pembuat dasar pembangunan dibentuk dengan pendidikan barat yang lebih mendominasi pemikiran mereka, bahkan latar belakang kebanyakan negara-negara orang Islam masih dibayangi dengan pengaruh penjajahan yang lama dalam sistem ekonomi dan politik negara sejak berabad-abad lamanya.

Kebanyakan negara umat Islam masih mencari-cari apakah kaedah dan pendekatan pembangunan yang paling sesuai dengan perkembangan masakini dan berbagai-bagai pendekatan telah digunakan. Sistem ekonomi campuran dianggap suatu pendekatan yang pragmatis telah mendominasi kebanyakan negara-negara Islam. Walaupun kita dapati ada yang menampakkan perkembangan dan pertumbuhannya di segi *out put* agregat tetapi juga usaha perlu juga dilakukan untuk mengurangkan jurang sosial di antara golongan kaya dan juga miskin secara makroekonominya dan juga sosioekonominya. Tanpa memperbetulkan kedua-dua masalah ini, pertumbuhan output berterusan serta kestabilan sosio politik negara tersebut akan terjejas serius pada akhirnya. Semua negara-negara Islam perlu mencari suatu strategi pembangunan yang dapat membantu mempercepatkan pertumbuhan secara adil dan mengurangkan ketidakseimbangan yang berlaku.

Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam telah dilentur di atas landasan tasawwur (*world-view*) dan epistemologi Islam. Ia berlandaskan kepada keyakinan tasawwur Islam bahawa Allah S.W.T adalah Pencipta manakala manusia dan alam semesta adalah makhluk. Ia juga bertunjangkan kepada epistemologi Islam, yang sumber utamanya ialah al-Qur'an dan Hadith di samping sumber sokongan ijmak dan qiyas ulamak. Ertinya, Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam bermula dari akar umbi Islam. Ia dibentuk dari dalam falsafah dan kerangka Islam sendiri.

## 2. Latar belakang Pemikiran Pembangunan Barat

Sejarah perkembangan pembangunan ekonomi amnya berasaskan kepada teori pembangunan konvensional yang menjadi teori dominan masa kini muncul hanya dari dua acuan falsafah. Pertama ialah dari Falsafah Pasca-Klasikal manakala kedua ialah dari Falsafah Radikal. Pembangunan yang lahir dari Falsafah Pasca-Klasikal mengamalkan

sistem liberal kapitalis manakala pembangunan yang lahir dari Falsafah Radikal pula mengamalkan sistem sosialis atau komunis.

Sistem liberal kapitalis yang lahir dari Falsafah Pasca-Klasikal beroperasi berlandaskan Teori Pertumbuhan dan kemudiannya Teori Pengagihan Dengan Pertumbuhan. Sistem sosialis atau komunis yang lahir dari Falsafah Radikal pula mendorong kepada lahirnya Teori Strukturalis dan kemudiannya Teori Penggantungan.

Walaupun sistem liberal-kapitalis dan sosial-komunis lahir dari dua falsafah yang berbeza, kedua-dua falsafah itu sebenarnya tumbuh dari paradigme yang sama. Kedua-duanya berkongsi susur-galur ilmu yang serupa, yakni dari barat. Epistemologi falsafah kedua-duanya bersifat *euro-centric* dan *Western ethno-centric*. Matlamat akhir kedua-dua falsafah tersebut juga adalah sama. Kedua-dua Falsafah Pasca-Klasikal dan Radikal ini menuju kepada pemaksamaan pengeluaran dan kepenggunaan, walaupun dengan memakai istilah yang tidak sama. Bagi input-input pengeluaran misalnya, Falsafah Pasca-Klasikal menggunakan istilah faktor-faktor pengeluaran (*factors of production*), manakala Falsafah Radikal pula menggunakan istilah alat-alat pengeluaran (*means of production*). Begitulah juga dengan beberapa istilah lain (Syukri Salleh, dalam Muhammad Hisyam 2007)

Oleh kerana falsafah kedua-dua sistem pembangunan liberal-kapitalis dan sosial-komunis ini berasal dari satu acuan dan matlamat kedua-duanya juga adalah sama, maka kedua-duanya adalah serupa. Kalau pun ada perbezaan antara keduanya, ianya dari segi perkaedahan mencapai matlamat sahaja. Dalam mencapai keadilan pengagihan misalnya, Falsafah Pasca-Klasikal menganjurkan pengagihan di peringkat hasil pengeluaran, manakala Falsafah Radikal pula menganjurkan pengagihan di peringkat alat-alat pengeluaran. Walaupun perkaedahan mereka berbeza, falsafah matlamat mereka mencapai keadilan pengagihan itu tetap sama. Ia berdasarkan kepada ukuran-ukuran kuantitatif untuk memenuhi keperluan-keperluan manusia berbentuk material. Dalam keadaan demikian, kedua-duanya berada dalam satu paradigme yang serupa.

Kedua-dua sistem tersebut berakar tunjang kepada penguasaan akal manusia secara yang total dalam mencari segala punca dan penyelesaian masalah ekonomi. Pemikiran manusia disumbat dengan hambatan palsu yang meyakini bahawa kesempurnaan dan kebahagiaan hidup manusia dapat dicapai melalui peningkatan ekonomi. Maka pembangunan mengikut ahli-ahli teori pembangunan kontemporari merupakan penglibatan siri-siri aktiviti ekonomi untuk meningkatkan kadar pengeluaran ekonomi seluruhnya dan purata pekerja khususnya serta meningkatkan nisbah penerima gaji daripada jumlah penduduk ( Bonne 1960 )

Kegagalan pembangunan moden dalam membahagiakan manusia adalah berpunca daripada sistem peradaban yang menjadi teras dibelakangnya berasaskan kebendaan semata-mata yang menganggap manusia seumpama haiwan (Muhsin 1998). Garaudi dalam membicarakan tentang peradaban barat mengatakan peradaban tersebut dikemukakan berasaskan pandangan sekular yang mutlak. Mereka menjadikan akal fikiran sebagai penyelesaian kepada semua masalah, sedangkan penyelesaian masalah-masalah berikut adalah suatu pergantungan yang palsu (Garaudi 1978). Katanya peradaban ini meletakkan manusia sebagai usaha-asaha manusia untuk memenuhi keperluan kepenggunaan, mengangkat pemikiran manusia pada suatu kecerdikan robot sehingga terlepas bebas dari nilai iman, kecintaan dan perasaan seni kemanusiaan. Oleh kerana itu peradaban dan pembangunan ini akan mempersiapkan manusia untuk 'membunuh diri'. Akhirnya manusia akan lupa terhadap peranan mereka yang sebenarnya dan menjadi hamba kepada kebendaan. Clive Bell mengatakan bahawa tamadun kebendaan itu adalah suatu yang palsu ( Petikan oleh Sharif 1970 )

### 3. Prinsip Asas dalam Pembangunan Islam

Pendekatan pembangunan Islam mestilah berasaskan prinsipnya yang jelas. **Pertamanya** pembangunan itu sendiri harus dibina dari tasawur dan acuan yang betul terhadap konsep dan epistemologi serta *world view*nya. Pembangunan berteraskan Islam tidak boleh muncul dari paradigme lazim dunia ini. Epistemologi Ilmu Islam sendiri adalah berbeza dari epistemologi ilmu teori pembangunan konvensional. Epistemologi ilmu teori pembangunan konvensional berakar umbi dari pemikiran barat, manakala epistemologi ilmu Islam berakar umbi dari empat sumber utama, yakni Al-Qur'an, Hadith, Ijma' dan Qiyas ulamak. Keempat-empat sumber ini membentuk satu tasawwur pembangunan Islam (pandangan alam atau *worldview*) yang jauh berbeza dari pandangan barat yang menjadikan akal asas kepada pembentukan ilmu teori pembangunan mereka.

Tasawwur pembangunan Islam bermaksud gambaran bentuk Islam yang hakiki, yang menjelaskan secara keseluruhan prinsip-prinsip asas Islam secara benar dan lengkap, sehingga bersebiti dalam diri orang yang memahaminya. Al-Qur'an, secara langsung dan secara tidak langsung telah menggambarkan tentang terdapatnya tiga pokok utama tasawwur Islam ini. **Pertamanya** ialah bahawa Allah s.w.t adalah Pencipta terhadap segala sumber alam, keduanya bahawa manusia adalah makhluk yang diberi tugas sebagai khalifah dalam membangunkan sumber alam dan ketiga, bahawa sumber alam yang dijadikan Allah harus dibangunkan dengan berdasarkan peraturan-


peraturan yang digariskan Allah s.w.t. Pembangunan berteraskan Islam mesti lahir dari acuannya sendiri, iaitu dari akar-umbi epistemologi dan tasawwurnya sendiri, tidak boleh ada sistem ‘pembangunan berteraskan Islam’ yang lahir dari campur-aduk antara epistemologi dan tasawwur Islam dengan yang lain, misalnya kapitalis Islam atau sosialisme.

Epistemologi pembangunan berteraskan Islam terbentuk dari empat sumber utama ilmu Islam iaitu al-Qur’an, al-Hadith, Ijmak dan Qiyas ulamak. Dari sumber ini terbentuklah ilmu yang terbahagi kepada dua, yakni ilmu fardhu ‘ain yang menjelaskan tentang ilmu-ilmu yang bersangkutan dengan kewajiban setiap individu manusia. Manakala ilmu fardhu kifayah pula bersangkutan dengan kewajiban manusia secara kolektif. Dalam ilmu fardhu ‘ain terdapat hal-ehwal ketuhanan (Tauhid), hal-ehwal peraturan hidup (Fiqh) sama ada dalam pelaksanaan ibadah, muamalah, munakahat dan juga jinayah.

Dalam fardhu kifayah pula terdapat hal-ehwal kehidupan kemasyarakatan seperti perundangan, kedoktoran, politik, ekonomi, pembangunan, sosial dan sebagainya, di samping urusan-urusan untuk memenuhi keperluan kemasyarakatan seperti pengurusan jenazah, pengajaran dan pengajian ilmu dan lain-lain.

Walaupun pembangunan secara umumnya jatuh di dalam kategori fardhu kifayah, tunjangnya mesti tetap tertanam kuat dalam ilmu fardhu ‘ain. Tidak boleh dinyatakan sesuatu usaha pembangunan itu fardhu kifayah kiranya ia tidak bertunjangkan kepada ilmu fardhu ‘ain. Mana mungkin suatu pembangunan itu menjadi fardhu kifayah kiranya ia terputus dari rasa ketauhidan kepada Allah, bebas dari peraturan yang ditetapkan melalui fiqh dan tidak disertai nilai-nilai akhlak sebagaimana tuntutan tasawuf. Kalau hal ini berlaku, matlamat pembangunan berteraskan Islam tidak mungkin tercapai, skala waktunya menjadi sempit, perkaedahannya tidak berdasarkan kepada pengabdian diri kepada Allah s.w.t dan peralatan pembangunan akan dieksploitasi sehabis-habisnya untuk kepentingan nafsu dan keuntungan semata-mata (Muhammad Hisyam 2007).


Tetapi apabila pembangunan lahir dari acuan Islam, berdasarkan kepada tasawur dan epistemologi Islam yang terbentuk dari gabungan ilmu fardhu ‘ain dan fardhu kifayah, maka matlamat, skala waktu, perkaedahan dan peralatan pembangunan akan berjalan selari sebagaimana tuntutan Islam. Matlamat pembangunan adalah mencapai keredhaan Allah s.w.t, skala waktunya meliputi alam roh, alam dunia dan alam akhirat, perkaedahannya berdasarkan kepada ibadah, dan peralatannya adalah sumber-sumber alam yang dicipta Allah untuk manusia merealisasikan kekhalfahan mereka. Sebaliknya dalam ajaran sekular barat sedikit pun tidak mengambil kira keperluan hidup selepas kehidupan alam dunia, tetapi hanya menumpukan bagaimana manusia merancang untuk memenuhi keperluan dunia yang dekat untuk memenuhi keperluan kebendaan (Surtahmin 2001). Menurut Keynes “ *dalam jangka panjang, kita semua telah mati*” (Sharif 1970), ertinya manusia tidak perlu memikirkan sesuatu yang akan berlaku kerana ia adalah suatu yang tidak mereka dapat memenuhi sebarang kehendak selepas kematian yang memutuskan segala-galanya urusan kehidupan mereka di dunia.



Rajah 1 : MODEL TASAWUR EPISTEMOLOGI ILMU DALAM PEMBANGUNAN ISLAM

Kegagalan dalam meletakkan tasawur yang betul dalam memahami apakah itu pembangunan yang sebenar dalam pembangunan sekarang, secara sadar atau tidak, manusia telah, sedang dan akan menghadapi dua pilihan: sama ada terus dapat mempertahankan status manusia sebagai manusia, atau merendahkan status kemanusiaannya kepada taraf hamba pembangunan. Dalam pilihan pertama, manusia berdiri sebagai hamba Allah dan pemegang amanahnya (khalifah), manakala pilihan kedua melucutkan perhubungan perhambaan dengan Allah untuk

menghambakan diri mereka kepada kebendaan. Kalau pilihan pertama menjadi pilihan kehidupan manusia, kehidupan mereka tergelincir dari jalan yang lurus (*siratul-mustaqim*), lantas berjalanlah mereka di dalam lorong yang gelap (*dhulumat*). Proses pembangunan yang wujud hari ini hanya memberikan dua alternatif yang perlu dipilih di antara satunya. Campur aduk di antara keduanya akan melahirkan manusia yang menjadi hamba kepada benda. Keadaan sebegini jelas bertentangan dengan perintah Allah yang menyuruh manusia melaksanakan Islam dengan keseluruhannya. Dalam rangka kerja pembangunan yang ada sekarang, walaupun kadang-kadang diselang-selit dengan unsur-unsur pembangunan yang bersesuaian dengan Islam, tetapi asas dan matlamat yang asal tidak dirombak, pembangunan hanya ditampung dengan elemen-elemen keislaman sedangkan ia terpisah daripada ad-Deen Islam yang menyeluruh, ia tidak berupaya mengalihkan pilihan kedua manusia kepada yang pertama. Pembangunan berteraskan Islam adalah pembangunan yang unggul berasaskan kepada keesaan Allah (Tauhid), matlamatnya ialah keredaan Allah (*mardatillah*) dan rangka kerjanya mencakupi skala waktu yang panjang: waktu kehidupan di dunia dan waktu kehidupan di akhirat, agar pada kedua-dua waktu itu manusia mencapai kebahagiaan (Muhammad Syukri 1990). Pendekatan pembangunan Islam ini jelas menolak perbuatan meniru-niru. Model kapitalis ataupun Sosialis dan apa sahaja, meskipun kita ingin memetik daripada semua pengalaman insan yang berfaedah untuk diasimilasikan dan diintegrasikan dalam rangka kerja Islam dan boleh memenuhi tujuan tanpa merosakkan nilai dan norma kita. Kedua-dua model tersebut tidak secocok dengan nilai Islam kerana keduanya bersifat eksploitasi, tidak adil serta gagal untuk melayan manusia sebagai manusia, sebagai khalifah Allah di muka bumi (Khurshid Ahmad 1969)



Rajah 2 : MODEL TASAWUR PEMBANGUNAN ISLAM

**Prinsip yang kedua** dalam pembangunan Islam ialah manusia sebagai pelaksana pembangunan. Ini kerana setiap pembangunan tidak mungkin terlaksana kecuali ada pelaksana yang mengerakkan pembangunan tersebut. Dalam pembangunan berteraskan Islam dan begitu juga dalam teori pembangunan konvensional meletakkan manusia adalah faktor yang amat penting sebagai agen pembangunan. Namun begitu, konsep manusia yang dipakai oleh teori pembangunan umum adalah berbeza daripada yang dipakai oleh teori pembangunan berteraskan Islam. Pembangunan dalam teori konvensional selalunya dilihat hanya di segi fizikal dan keupayaan semata-mata dan tidak melibatkan aspek spiritual. Manusia fizikal atau pseudo-manusia selalu digambarkan sama dengan faktor-faktor lain sebagai alat untuk pembangunan setaraf dengan faktor-faktor yang lain juga. Misalnya dalam fungsi pengeluaran, dan mengikut fungsi ini  $P = f ( T, M, B, K \dots \dots n )$ , yang mana P ialah pengeluaran, M ialah modal, B ialah buruh, K ialah keusahawanan dan  $n$  ialah faktor-faktor pengeluaran yang lain.

Dalam teori konvensional, faktor pengeluaran yang berhubung dengan manusia adalah merujuk kepada buruh dan keusahawanan, dan ini lebih tertumpu kepada kekuatan fizikal, keupayaan produktiviti dan akal manusia semata-mata tanpa mengambil kira aspek-aspek kerohanian seperti iman dan taqwa manusia. Manusia dilihat hanya menjalankan fungsi yang berbentuk setereotaip dan sekularistik iaitu sebagai pekerja, pengguna, membesar, berkeluarga dan seterusnya meninggalkan dunia ( Muhammad Syukri , Hisyam 2007 ).

Manusia tidak dijadikan oleh Allah sebagai alat kepada benda dan tujuan bagi makhluk lain. Bahkan semua yang ada di alam ini baik harta dan makhluk yang lain dikhususkan untuk memenuhi keperluan manusia. Manusia perlu menjadikan segala sumber yang ada di dunia ini untuk memenuhi *ubudiyah* mereka kepada Allah s.w.t. Makhluk manusia yang beriman dan yang bertaqwa bukanlah merupakan faktor pengeluaran sepertimana yang diletakkan dalam kerangka ekonomi konvensional tetapi dalam Islam manusia bukan sebagai alat bahkan mereka berperanan sebagai khalifah di dunia yang bertugas sebagai penyebar rahmat dan pemakmur. Tugas sebagai khalifah yang sekaligus sebagai hamba dan pemakmur dunia hanya dapat dilakukan oleh manusia Mukmin dan tidak termampu bagi manusia lain untuk memikulnya. Oleh itu, istilah manusia sebagai faktor pengeluaran dan ekonomi lazim hanya sesuai bagi manusia di kalangan mereka sahaja. Kerana istilah faktor lebih mendekati fungsi *robot* bagi tujuan kebendaan.

Peranan manusia , khususnya dari segi pembangunan dunia memang penting. Tanpa manusia, dunia tidak akan dicipta. Ini menunjukkan pentingnya kejadian manusia. Tetapi ini tidak bermakna bahawa manusia sebagai alat pembangunan kerana mengistilahkan manusia sebagai alat lebih memungkinkan berlakunya ‘penundukan manusia untuk manusia lain’ (Siddiqi 1981). Oleh yang demikian, manusia bukanlah sebagai faktor, tetapi sebagai pemilik, pengurus dan pengolah faktor pengeluaran ditunduk kepada manusia.

**Prinsip yang ketiga** ialah pembangunan Islam merangkumi skala waktu yang luas, dan mempunyai ‘*time frame*’ yang meliputi hubungan pembangunan manusia dari alam roh, alam duniawi dan juga alam akhirat. Ini perlu difahami agar pembangunan itu tidak wujud dalam bentuk sekularistik seperti dalam tamadun kemajuan barat hari ini yang hanya menumpukan di sekitar alam dunia yang sempit ini sahaja. Selain dari alam dunia dan alam akhirat, satu lagi alam yang manusia perlu mengambilkira ialah alam roh, iaitu alam sebelum manusia dilahirkan dan diturunkan ke alam dunia. Dalam alam roh ini manusia telah membuat suatu kontrak dengan Allah s.w.t.

Firman Allah yang bermaksud ;

*‘ Dan ingatlah, ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak adam dari sulbi mereka dan Allah s.w.t mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): “Bukankah aku ini Tuhan? ”. Mereka menjawab: “Betul (Engkau Tuhan kami) Mereka bersaksi”.*

(QS al-A’raf, 7 : 172)

Dr Muhammad Syukri Salleh menjelaskan bahawa ikrar ini melahirkan tiga implikasi iaitu: Pertamanya, manusia dikurniakan status sebagai hamba Allah s.w.t. Kedua, melalui pengurniaan status itu, manusia dikurniakan garis panduan, atau pelan induk, atau *blue-print* kehidupan di dunia. Dan ketiga, manusia dimaklumkan bahawa alam roh, alam dunia dan alam akhirat sebenarnya merupakan alam-alam yang berkesinambungan dan tidak terpisah antara satu sama lain. Alam roh merupakan alam perjanjian, alam dunia merupakan alam pembuktian dan alam akhirat merupakan alam pembalasan (Muhammad Syukri, lihat Hisyam 2007).

Dalam alam dunia manusia sebagai khalifah untuk meneruskan pembangunan berpandukan garis panduan, kaedah dan bentuk perlaksanaan yang telah diasaskan di alam roh. Perlaksanaan di alam dunia dibantu oleh pertunjuk dari Allah s.w.t yang dikurniakan melalui kekuatan akal, bimbingan rasul-rasul dan kitab-kitab. Adapun natijah dari semua perlakuan dan pelaksanaan itu akan dipertanggungjawabkan di hari akhirat. Jika pembangunan

di alam dunia dilaksanakan mengikut panduan yang telah ditetapkan di alam roh, maka natijahnya adalah positif. Jika sebaliknya, natijahnya adalah negatif.

Konotasi daripada kehidupan manusia yang hidup ini asal dari alam roh telah membentuk satu konsepsi hakikat manusia diciptakan oleh Allah s.w.t merangkumi aspek yang sangat penting dalam diri mereka iaitu roh atau *rohaniyyah*. Kejayaan manusia sebagai egen pembangunan fizikal bergantung rapat dengan aspek pembangunan *rohiyyah* atau kerohanian. Manusia yang bersih rohnya dan beriman kepada Allah s.w.t akan membentuk amalan dan kegiatan yang hebat dan berkualiti dalam kehidupan. Manusia yang rohnya diselaputi dengan nafsu *ammarah* dan sifat-sifat yang tercela akibat kekufuran mereka dan keingkaran kepada Allah akan terdedah kepada perbuatan-perbuatan yang mungkar, salah laku, seperti khianat, dusta, penyelewengan, pembaziran, korupsi dan sebagainya.

Justeru itu manusia mestilah berikhtiar menjalankan *tarbiyyah rohiyyah* agar nafsunya mencapai ke arah tingkatan yang lebih tinggi, sekurang-kurangnya di peringkat *lawwamah* yang sentiasa mengamalkan *self-criticism*, iaitu apabila ia melakukan dosa lalu cepat-cepat ia bertaubat dan memohon ampun kepada Allah s.w.t dengan penuh penyesalan. kemudian ke peringkat *mulhamah*, dan seterusnya ke peringkat *mutmainnah*, *radhiyyah*, *mardhiyyah* dan akhir sekali menjadi insan yang kamil. Pada tahap ini manusia mencapai nafsu yang tertinggi sekali dan berupaya menghimpunkan antara zahir dan batin atau hakikat dengan syariat (Mustapha Mohamed al-Jiasi al-Ahmadi 1982).

Dalam pembangunan Islam yang luas begini, pencapaian pembangunan dalam semua bidang kehidupan manusia tidak membawa sebarang makna dan tidak dapat membezakannya dengan pembangunan lazim yang ada, sekiranya tanpa melalui tahap pertama yang menjadi asas pembangunan iaitu peringkat kerohanian atau *tazkiyat al-nafs* (Syed Qutb 1977).

**Prinsip keempat** pembangunan Islam ialah menjadikan setiap aktiviti pembangunan dalam bentuk pengabdian diri manusia kepada Allah swt. Islam menggalakkan manusia agar bergiat dalam bidang kehidupan untuk membangunkan kehidupan mereka. Misalnya dalam aspek pengeluaran dan melakukan aktiviti ekonomi dalam berbagai-bagai bentuk dan caranya, seperti aktiviti dalam sektor pertanian, perikanan, perindustrian, perniagaan, dan pelbagai macam pekerjaan lainnya. Islam memberkati pekerjaan duniawi seperti ini dan menggolongkannya dalam ibadah yang suci dan jihad di jalan Allah, selagi diiringi dengan niat yang ikhlas, sentiasa mentaati peraturan Allah, dan tidak menghalangi kita daripada mengingati Allah, mengingati hari hisab-Nya dan mengingati hari pertemuan dengan-Nya. Aktiviti dan usaha ekonomi inilah yang membantu kita untuk menunaikan risalah agama dan menyebarkan dakwah-Nya sebagaimana ia juga boleh melindungi dirinya, memenuhi keperluan keluarganya serta membantunya dapat menolong sanak-saudara dan orang-orang yang sedang dalam kesusahan. Islam juga menjadikan seseorang itu dapat memainkan peranan dalam merealisasikan kesejahteraan umat serta membuatnya mampu untuk berderma di jalan agama bagi usaha meninggikan kalimat Allah (Yusuf al-Qaradawi 1998).

Dalam lingkungan kegiatan-kegiatan pembangunan ekonomi, sama ada di tahap kegiatan-kegiatan ekonomi *fardu al-'ain* atau *fardu al-kifayah*, dia akan menerima kedudukan ini dengan penuh kerelaan dan kegembiraan untuk menjamin pencapaian kebaikan-kebaikan ekonomi bagi masyarakat dan negara dan balasan-balasan pahala yang banyak daripada Allah s.w.t., dia akan bekerja dengan penuh kepuasan jiwa hasil dorongan memperhambakan diri kepada Allah dan bekerja untuk mewujudkan kebaikan-kebaikan sosio-ekonomi dan membela kepentingan-kepentingan atau *al-Masalih* umat manusia dan mengangkat tahap kemajuan ekonomi masyarakat dan negara ke satu tahap yang lebih baik supaya hari esok mereka akan lebih baik dan lebih bahagia daripada hari ini (Mohd Parid 1987).

Dalam konteks pembangunan, kita perlu melihat kepada konsep kehidupan manusia yang meliputi dua peringkat kehidupan yang saling berurutan dan berkaitan, pertamanya kehidupan di dunia iaitu dari seseorang itu lahir sehingga ia mati, yang mana kehidupan di dunia adalah kehidupan yang sementara. Keduanya kehidupan selepas mati yang merupakan kehidupan yang kekal dan abadi (QS al-'Ala 87 : 16-17). Bahkan kesempurnaan kehidupan manusia sebenarnya adalah gabungan daripada dua peringkat tersebut iaitu kebahagiaan dan kebaikan di dunia dan juga di akhirat (QS al-Baqarah 2 : 201). Maka kebaikan adalah W mewakili fungsi kebahagiaan kedua-dua peringkat, Wt adalah fungsi kebahagiaan sementara, dan Wp adalah fungsi kebahagiaan kekal di akhirat. Fungsi kebaikan ialah ;

$$W = f1 ( Wt, Wp ) . . . (1)$$

Begitu pun Wt dan Wp juga boleh ditentukan dalam bentuk fungsi kebaikan yang berbagai secara berasingan sama ada kebahagiaan diperingkat sementara dan kebahagiaan kehidupan kekal yang tersendiri. Maka fungsi kebaikan ialah ;

$$W_t = f_2 ( X_t, D ) \dots (2)$$

$$W_p = f_3 ( X_p, D ) \dots (3)$$

dengan ini  $F_t', f_p', f_d' > 0$

Di mana D mewakili pembangunan ekonomi,  $X_t$  dan  $X_p$  masing-masing mewakili pembolehubah yang tidak berkaitan dengan pembangunan ekonomi tetapi bertanggungjawab bagi mencapai kebaikan di kedua-dua peringkat kehidupan manusia. Adapun asas penting penentu kebahagiaan pada  $X_t$  berkaitan rapat dengan nilai kepuasan daripada penyempurnaan keinginan hidup manusia di dunia ini seperti nilai kemanusiaan, keihisan dalam hubungan manusia, keamanan dan keharmoniaian persekitaran dan sebagainya.  $X_p$  pula sangat bergantung kepada penyempurnaan ibadah khusus, dan perkhidmatan (amal kebaikan) sesama manusia dan lain-lain (Muhammad Sadeq 1990).

Berdasarkan formula yang ditunjukkan bahawa pembangunan ekonomi adalah suatu pernyataan yang umum dalam kedua-dua fungsi kebaikan,  $W_t$  dan  $W_p$ , yang menggambarkan bahawa pembangunan adalah suatu keterangan pembolehubah bagi fungsi kebaikan keseluruhan,  $W$ . Dengan lain perkataan, pembangunan ekonomi memainkan peranan yang penting dalam mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat dan suatu ciri unik dalam sistem Islam. Kebajikan bagi kedua-dua peringkat kehidupan adalah suatu perkaitan yang sangat penting dengan keadaan sikap optimistik individu dalam memaksimumkan kedua-dua kebaikan  $W$ . Ringkasnya, kebahagiaan yang kekal abadi tidak akan tercapai tanpa kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Orang yang berhati-hati dan berilmu dalam mengamalkan Islam menjadikan kehidupannya sebagai ibadah dengan berpegang teguh kepada segala ajaran Islam dalam setiap aktiviti. Justeru, dengan pemantapan kedua-dua  $W_t$  dan  $W_p$  sebaliknya dapat menyelesaikan sebarang masalah kerana kekuatan dalam melaksanakan tututan amalan bergantung kepada sejauhmana kesedaran seseorang itu. Jika lemah kesedarannya maka akan meningkatkan masalah, ini akan meningkat  $W_t$  dan mengakibatkan kurangnya penumpuan kepada  $W_p$ , begitulah sebaliknya. Oleh itu persolan yang ditekankan dalam pembangunan Islam ialah hendaklah memaksimumkan kedua-dua kekangan  $W_t$  dan  $W_p$ . Logiknya kebaikan dalam pembangunan ekonomi Islam bukan hanya tertumpu semata-mata kepada matlamat kebahagiaan di dunia, tetapi juga kebahagiaan akhirat. Walaupun begitu pembangunan ekonomi juga penting untuk mencapai kebahagiaan di hari akhirat (Muhammad Sadeq 1990).

**Prinsip yang kelima** dalam pembangunan Islam ialah merujuk kepada alat atau unsur utama dalam pembangunan fizikal itu sendiri yang merupakan sumber-sumber alam ciptaan Allah s.w.t yang dijadikan untuk faedah dan kegunaan manusia.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud :

*“Dialah yang menjadikan bumi sebaagai hamparan bagimu dan langit sebagai atap, dan Dia menurunkan air( hujan ) dari langit, lalu Diamenghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai sebaagai rezeki untukmu; kerana itu janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, pada hal kamu mengetahui”*

(QS al-Baqarah 2 : 21-22)

Maksud sumber alam meliputi segala sumber yang boleh diistilahkan sekarang ini sebagai sumber pengeluaran seperti bumi yang merupakan sumber yang paling penting kepada manusia, termasuk langit, laut dan semua sistem cengkerawala yang ada. Sumber bumi merangkumi apa yang ada di atas bumi dan di perut bumi seperti tanah, pokok, kayau kayan, haiwan, burung, logam emas, perak, besi, minyak, gas, arang batu, bijih timah, udara, air, mutiara dan apa sahaja jenis bahan yang dapat memenuhi keperluan manusia. Begitu juga sumber semulajadi yang menghasilkan tenaga seperti elekerik dari air terjun, empangan dan juga apa sahaja khazanah alam yang diperolehi untuk kehidupan manusia (Muhammad Baqir al-Sadr 1987).

Firman Allah yang bermaksud;

*“dan Dia (menundukkan pula) apa yang Dia ciptakan ntuk kamu di bumi ini dengan berlainan macamnya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang mengambil pelajaran. Dan Dia-lah, Allah yang menundukkan lautan (untukmu) agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan), dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai; dan kamu melihat bahtera belayar padanya, dan supaya kamu mencari (keuntungan) dari kurnia-nya, dan supaya kamu bersyukur.”*



(QS al-Nahl, 16:13-14)

Penciptaan sumber-sumber alam sebenarnya ada perkaitan dengan keimanan dan ketaqwaan manusia terhadap Allah s.w.t. Sumber-sumber alam ini dicipta untuk kegunaan manusia. Apabila manusia menggunakannya, maka berlakulah pembangunan. Tanpa alam tidak mungkin pembangunan boleh berlaku. Atas sebab ini, sumber-sumber alam ini ternyata merupakan peralatan pembangunan paling utama, kerana dengan itu bukan sahaja pembangunan material dapat ditegakkan, malah pembangunan rohani dapat direlihasikan.

Teori pembangunan konvensional berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa sumber-sumber alam ini adalah terhad. Kepercayaan ini menjadi andaian paling utama teori pembangunan. Selain juga berpegang kepada andaian bahawa kemahuan manusia adalah tidak terhad. Dalam sistem kapitalis mereka melihat masalah ekonomi tertumpu kepada pertembungan antara sumber ekonomi yang terbatas dengan kehendak pengguna yang tidak berkesudahan malah sering berubah-ubah. Masalah ekonomi disebabkan kekurangan sumber kerana sumber semakin berkurangan dan tidak dapat menampung keperluan pengguna. Menurut teori Kapitalis, keinginan manusia tidak ada hujungnya dan untuk menyelesaikan masalah itu, mereka memberi pilihan dengan cara membangunkan lagi sumber pengeluaran serta menyemak kembali sistem sistem agihan tanpa mempersoalkan sama ada keperluan itu wajar atau perlu bagi kehidupan manusia (Jalal Amin 1984).

Dalam pandangan pembangunan berteraskan Islam, apakah benar sumber-sumber alam ini terhad?, dari segi fizikal memang tidak dapat dinafikan bahawa sumber-sumber alam adalah terhad. Secara umumnya, semakin digunakan sumber-sumber alam itu, semakin berkuranglah ia dari segi kuantiti. Jika kita lihat dari perspektif tauhid, berdasarkan kepada epistemologi dan tasawwur Islam, pada hakikatnya sumber alam ini sebenarnya adalah tidak terhad. Mengikut Muhammad Syukri Salleh sekurang-kurangnya terdapat empat faktor yang membuktikan sebenarnya sumber alam bukan terhad iaitu konsep rezeki, kaedah pengagihan sumber, konsep barakah, dan kaedah penggunaan sumber alam (lihat Muhammad Syukri Salleh, Muhammad Hisyam 2007). Berdasarkan nas-nas al-Quran dan penguatkuasaan beberapa peraturan syarak, maka hujah-hujah tersebut dapat dihuraikan seperti berikut :

#### *Konsep rezeki*

Ajaran Islam menjelaskan semua rezeki telah ditentukan oleh Allah s.w.t kepada setiap makhluk. Ianya bersesuaian dengan penjelasan Allah s.w.t bahawa Dialah yang memberikan rezeki kepada manusia.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud ;

*“ Janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan. Kamilah yang akan memberikan rezeki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar”*

( QS al-Isra' 17 : 31 )

Dalam menjelaskan konsep rezeki ini *al-Sabuni* dalam kitab tafsirnya '*Safwah al-Tafasir*' Allah s.w.t menjamin bahawa Dialah yang menganugerahkan rezeki kepada manusia yang menjadi sifat Allah s.w.t yang Maha Kaya, maka mereka (manusia) tidak perlu bimbang terhadap kemiskinan atau kekurangan ( Muhammad 'Ali al-Sabuni, jil. ke2, t.t.).

Rezeki adalah anugerah Allah s.w.t kepada manusia yang sentiasa taat dan patuh kepada perintahnya, sekiranya mereka ingkar rezeki nescaya tersebut akan ditarik balik, bahkan akan mendapat ancaman daripada Allah s.w.t. Ancaman ini boleh wujud dalam pelbagai aspek dalam bentuk masalah krisis ekonomi dalam masyarakat dan negara.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud :

*“ Allah memberi contoh, iaitu sebuah negeri yang aman dan tenteram, datang rezeki kepadanya bertimbun-timbun dari segenap tempat. Kemudian penduduk negeri itu ingkar akan nikmat Allah, laulAllah merasakan kepadanya kelaparan dan ketakutan akibat perbuatan mereka”.*

(QS al-Nahl 16 : 112)

Walau pun begitu Islam tidak menyuruh menyerah kepada taqdir Allah dalam mendapatkan rezeki mereka tanpa usaha. Islam menyeru umatnya kepada kehidupan yang tinggi dan mulia melalui pelbagai usaha boleh dilakukan untuk meningkat moral dan martabat mereka. Perlaksanaan prinsip ini lebih di kenali dalam pendekatan

ekonomi Islam sebagai '*pengagihan saksama*' iaitu menekankan kepada setiap individu diberi peluang secara bebas dan saksama dalam sistem ekonomi dengan cara mendapat pembahagian yang adil terhadap kekayaan negara (Afzal ur-Rahman 1980). Islam amat menitikberatkan agar setiap individu berusaha untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran, dan melarang mereka dari menggangu dan malas untuk mencari keperluan hidup (Al Dunya 1990). Islam menggalakkan umatnya untuk bekerja dan mencari pekerjaan untuk mencari sumber kehidupan yang mencukupi kepada mereka.

#### *Kaedah pengagihan semula sumber*

Islam tidaklah menafikan di segi perbezaan kekayaan atau menyekat hakmilik peribadi mengikut kemampuannya, ini telah menjadi naluri semulajadi manusia. Perkara ini dijelaskan oleh Allah swt dalam firmanNya yang bermaksud :

*“ Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dudia ini (setengahnya kami kayakan dan setengahnya menderita miskin) dan juga telah kami jadikan darjat setengah mereka tinggi dari darjat setengah dari yang lain”*

(QS al Zukhruf 43 : 32)

Perbezaan yang wujud secara yang fitrah ini tidak dihapuskan oleh Islam, ia berlaku disebabkan oleh usaha dan inisiatif manusia kerana setiap manusia mempunyai perbezaan dari segi kemampuan, mental, kemahiran di antara satu sama lain. Apa yang diberi perhatian oleh Islam ketidaksamaan ini jangan sampai membawa kepada terbentuknya kelas dalam masyarakat yang membahagikan golongan kaya dan miskin dengan jurang yang jauh antara kedua-duanya, dan tidak ada sebarang undang-undang yang memisahkan antara golongan pemerintah dengan yang diperintah, golongan tuan dengan orang suruhan dan sebagainya, yang meletakkan suatu keistimewaan antara satu sama lain (Muhamad Qutb 1993).

Islam mengiktiraf perbezaan yang wujud secara semulajadi ini pada setiap individu dalam masyarakat, namun begitu Islam tidak membenarkan mereka melebihi had semulajadi sehingga memecahbelahkan masyarakat sehingga membawa kepada perbuatan zalim menzalimi dan tinas menindas. Islam mengambil langkah-langkah dan undang-undang tertentu untuk memelihara ketidakeimbangan ini agar tidak terkeluar dari batas-batas semulajadi, misalnya Islam mengajar manusia harus melihat perbezaan kekayaan ini sebagai suatu ujian dan dugaan dari Allah swt di dunia, dan mereka hendaklah berusaha dan bersabar, begitu juga sebaliknya golongan yang kaya hendaklah melihat bahawa kekayaan itu sebagai suatu amanah Allah swt yang perlu dijaga dan gunakan dengan cara yang betul. Apa yang paling penting mereka perlu melaksanakan tanggungjawab sosial mereka supaya harta itu diagihkan semula kepada golongan yang tidak bernasib baik dan miskin. Kaedah pengagihan semula ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai cara seperti zakat, sedekah, hibah, wasiat, wakaf dan sebagainya. Kaedah ini akan menjadikan sumber harta an rezeki itu tidak terhad, dan pada masa yang sama akan melahirkan masyarakat yang harmoni dan seimbang.

#### *Konsep barakah*

Konsep barakah ialah suatu konsep yang tidak wujud sama sekali dalam pembangunan material oleh mana-mana teori-teori konvensional, kerana mereka memisahkan hubungan manusia dengan keyakinan kepada Allah s.w.t dan kaitanya dengan segala aktiviti manusia. Islam melihat segala kegiatan manusia mempunyai hubungan yang rapat dengan ketentuan Allah s.w.t. Manusia boleh berusaha dan merancang tetapi yang menentukan hasilnya ialah Allah s.w.t. Kualiti dan tahap pencapaian serta kepuasan dari pekerjaan manusia itu terletak kepada keberkatan Allah s.w.t. Keberkatan merupakan aspek yang mempunyai hubungan yang rapat dengan keimanan serta ketaqwaan manusia kepada Allah swt.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud :

*“ Jikalau seandainya penduduk negeri itu beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan yang banyak daripada langit dan bumi”*

(QS al-A'raf 7 : 96)

Dalam menjelaskan ayat di atas Sa'id Hawa menjelaskan bahawa keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t adalah syarat yang melayakkan manusia itu mendapat limpahan keberkatan daripada Allah s.w.t, dan dengan

keberkatan dari taqwa inilah yang akan menghindar manusia dari masalah tekanan hidup, kesusahan, kerosakan, kepincangan dalam mempertahankan dan mengukuhkan kekuatan serta ketinggian hidup manusia dalam segala bidang (Sa'id Hawa dalam *Al-Asas fi Tafsiir*, jil 4)

Dalam pembangunan aspek keberkatan adalah amat penting kerana kita bukan hanya memerlukan kepada kuantiti pembangunan sahaja, kerana tanpa kualiti dan keberkatan, maka pembangunan itu akan menimbulkan banyak masalah kepada kehidupan manusia. Manusia akan merasakan kesempitan dan kekurangan dalam keadaan 'nikmat' dan kemajuan pembangunan, dan kemajuan akan menjadi palsu dan menipu manusia. Pembangunan yang dapat membina tamadun yang hebat mestilah bertunjangkan kepada keimanan dan ketaqwaan untuk mendapatkan keberkatan daripada Allah s.w.t

Maksud firman Allah s.w.t :

*"Hai kaumku, minta ampunlah kepada Tuhanmu, kemudian bertaubatlah kepadaNya, nescaya diturunkanNya hujan yang lebat kepadamu dan Dia tambahkan kekuatan kepada kekuatanmu"*  
(QS Hud 11 : 52)

Ayat di atas berkaitan dengan peristiwa yang berlaku kepada kaum 'Ad' yang mana Allah s.w.t telah menahan hujan turun selama tiga tahun sehingga hampir membinasakan mereka. lalu Nabi Hud menyuruh mereka bertaubat dan memohon keampunan di atas dosa dan kesalahan mereka, dan dengan itu dijanjikan kepada mereka akan diturunkan hujan sebagai rahmat daripada Allah s.w.t. Mereka juga akan diangkatkan kemuliaan dan kehaibatan melebihi dari kehaibatan yang mereka sedia ada. Bahkan mereka akan mencapai kemuncak kekuatan yang hebat dan pantas ('Ali al-Sabuni, *Safwah al-Tafsiir*, jil. 2, t.t.).

Rahmat dan keberkatan adalah suatu yang pasti datang dari Allah s.w.t apabila manusia melaksanakan suatu tugas yang diamanahkan mengikut peraturan yang digariskan olehNya untuk mencapai kemajuan dan tamadun mereka. Islam menyediakan undang-undang dan peraturan hidup manusia yang dinamakan syariat yang dilaksanakan pada setiap masa dan tempat. Sekiranya aqidah menjadi aspirasi dan motif utama penggerak kepada tamadun, maka peranan syariat itu ialah memandu dan memberi kaedah yang jelas kepada asas pembinaan tamadun (Mahayudin 2001).

*Kaedah penggunaan sumber alam.*

Allah s.w.t telah mengurniakan sumber yang banyak kepada manusia. Oleh itu penggunaan sumber yang dikurniakan oleh Allah s.w.t haruslah mengikut kehendak dan peraturan yang telah digariskan olehNya. Keberkatan juga akan hilang jika menyalahgunakan segala sumber serta nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada manusia.

Di dalam al-Quran Allah s.w.t menggalakkan dan mendorong kita untuk mengeksploitasi sumber alam semula jadi, iaitu dengan cara memerah akal dan pemikiran kita serta mengalihkan pandangan secara serius kepada alam semesta yang dikelilingi dengan air, udara, lautan, sungai, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan batu-batan. Begitu juga matahari, bulan, serta fenomena siang dan malam yang berlaku, adalah diciptakan oleh Allah s.w.t untuk keperluan manusia. Maka manusia wajib untuk memanfaatkannya terhadap segala yang telah diciptakan untuk kehidupan mereka sebagai suatu kurniaan dan penghormatan (Al-Qaradawi 1998) .

Kegagalan manusia dalam menggunakan dan menguruskan sumber adalah punca utama yang membawa kepada wujudnya masalah ekonomi manusia pada masakini seperti berlakunya krisis minyak dan makanan dunia. Dalam Islam masalah ekonomi yang melanda masyarakat bukanlah faktor utamanya berpunca dari krisis sumber dan mekanisme pengagihan. Punca masalah ekonomi disebabkan oleh sikap manusia itu sendiri yang sering menzalimi sesama mereka, kufur dengan nikmat yang diberikan oleh Allah s.w.t, serta sikap mementingkan diri sendiri ('Abd al-Rahman 1991).

Firman Allah s.w.t yang bermaksud :

*"Dan Dia telah memberi kamu sebahagian daripada tiap-tiap apa juga yang kamu berhajat kepadaNya dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya, lagi tidak menghargai nikmat Tuhannya"*

(QS Ibrahim 14 : 32-34)

Ayat di atas menyebut Allah menyediakan sumber-sumber ekonomi yang banyak dan tidak terhitung oleh manusia untuk memenuhi keperluan mereka. Sebaliknya manusia mensia-siakan anugerah itu dengan bersikap zalim dan kufur. Kufur dalam pengertian ekonomi Islam dapat diertikan sebagai seseorang yang melakukan pengagihan yang tidak adil. Golongan yang mempunyai kuasa dan kaya memonopoli untuk kepentingan dan kepuasan diri mereka. Sedangkan golongan yang tidak bernaib baik iaitu golongan majoriti dalam masyarakat, tidak mendapat peluang untuk berbuat demikian kecuali sedikit sahaja. Kufur juga merujuk kepada seseorang yang tidak menggunakan sumber alam sebagai mekanisme pelaburan untuk memaksimumkan pengeluaran, sebaliknya dibiarkan dengan sia-sia, sedangkan manusia diberi tanggungjawab sebagai khalifah Allah s.w.t di muka bumi ('Abd al-'Aziz Fahmi Haykal 1988).

Berdasarkan penjelasan di atas bahawa alat kepada pembangunan dalam Islam iaitu sumber alam memerlukan suatu bentuk pengurusan yang betul sepertimana yang digariskan oleh syariat. Suatu perkara yang jelas yang ingin ditekankan bahawa kekurangan sumber secara relatif tidak menjadi masalah utama dalam ekonomi Islam. Masalah sebenar mengikut ekonomi Islam ialah tidak menggunakan tenaga kerja secara total untuk menerokai peluang-peluang yang pada sumber tersebut ('Abd a-Rahman 1991 : 40). Al-Quran telah memberikan arahan dan tunjuk ajar agar setiap manusia berusaha dengan gigih dan berterusan untuk mengeluarkan sumber kekayaan alam. Islam menggalakkan umatnya menuntut ilmu dan melakukan penyelidikan untuk mencari rahsia-rahsia alam yang tersembunyi di alam ini agar mereka memperolehi sumber dan kekayaan baru yang tersimpan di perut bumi bagi mencapai kesejahteraan hidup manusia (Muhammad Salleh al-Hanawi 1983).

**Prinsip keenam** dalam pembangunan Islam dengan matlamat untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat serta mencari keredhaan Allah s.w.t. Ini menjadi merupakan prinsip tertinggi dalam kerangka pembangunan Islam. Prinsip ini akan menjadi hala tuju ke arah matlamat sebenar yang ingin dicapai dalam sesuatu pembangunan Islam, kerana asas utama kegiatan manusia untuk mencapai kebahagiaan akhirat di samping kebahagiaan akhirat.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud :


*“ Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) hari akhirat, dan jangan kamu lupa akan bahagianmu (kenikmatan) di dunia, dan berbuatlah sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan ”.*

(QS al-Qasas 28 : 77)

Dalam Islam kepentingan ekonomi bukanlah merupakan tujuan tertinggi, tetapi ia adalah salah satu keperluan manusia dan cara yang lazim bagi mereka agar dapat terus hidup dan bekerja untuk matlamat yang tinggi. Maka ekonomi hanyalah penolong kepada manusia dan berkhidmat untuk akidah serta risalahnya. Maka ekonomi hanyalah satu bahagian daripada pelbagai segi kehidupan. Meskipun ia merupakan bahagian yang penting, namun ia tetap bukan merupakan dasar daripada asas kehidupan ini, bukan pusat ajaran-ajarannya, bukan matlamat risalahnya, bukan tajuk utama dalam tamadunnya dan bukan tugas paling utama yang harus dikerjakan oleh umatnya (Al-Qaradawi 1998).

Sistem kehidupan manusia mesti didasari di atas keyakinan menyeluruh tentang alam semesta, kehidupan manusia serta hubungannya dengan Tuhan yang menganugerahkan kehidupan dan menciptakan manusia. Hanya akidah dan keyakinan seperti ini sahajalah yang mampu berinteraksi dengan akal dan sesuai dengan fitrah semula jadi manusia dalam mentafsirkan kewujudan dirinya di alam semesta serta berinteraksi dengan sumber-sumber alam ini. Keyakinan tersebut jugalah yang mampu memberikan jawapan terhadap soalan-soalan yang merungsiakan jiwa manusia semenjak dia mulai pandai berfikir dan merenung: Dari mana? Hendak ke mana? Dan mengapa?

Pembangunan berteraskan Islam adalah pemangunan yang berteraskan kepada keesaan Allah s.w.t (tauhid), matlamatnya ialah keredaan Allah (*maradatillah*), dan rangka kerjanya mencakupi skala waktu yang panjang, iaitu keredaan Allah di dunia dan juga di hari akhirat (*hasanah fi al-dunya wa hasanah fi al-akhirat*). Allah sebagai pencipta manusia dan Ia mencipta sumber alam pula untuk manusia. Interaksi di antara manusia dengan sumber alam melibatkan transformasi sumber alam kepada barangan kepenggunaan terakhir melalui proses kepenggunaan tenaga manusia, sehingga berakhir dengan proses pengeluaran untuk memenuhi fitrah kejadian manusia yang memerlukan makanan, pakaian, perlindungan dan lain-lain (Muhammad Syukri Salleh 1990).



Rajah 3 : KEDUDUKAN PEMBANGUNAN DALAM SKALA KEHIDUPAN MANUSIA (Rujuk Muhammad Syukri Salleh 1990)

## KESIMPULAN

Epistemologi pembangunan yang dianjurkan oleh Islam mempunyai 'framework' dan sudut pandang yang tidak sama dengan sistem konvensional. Ini adalah kerana pembangunan dan perubahan yang digariskan oleh Islam bukan setakat merujuk kepada dimensi duniawi dan kebendaan sahaja, tetapi merangkumi aspek yang lebih menyeluruh dan hakiki serta mendalami hakikat kejadian manusia itu sendiri. Perbezaan ketara dilihat di sudut asas falsafah, kaedah dan pendekatan pembangunan Islam dan konvensional, kerana pembangunan Islam meletakkan asas tauhid yang menjadikan Allah SWT sebagai pemilik mutlak terhadap segala sumber kekayaan dan pengeluaran, sedangkan manusia hanya sebagai egen atau khalifah Allah. Manifestasi dari keyakinan inilah akan membentuk sudut pandangan atau *tasawur* yang jelas akan peranan manusia dan apakah tanggungjawab atau amanah manusia dalam membangunkan seluruh asas kehidupan.

Kerangka pembangunan Islam merangkumi pelbagai dimensi kehidupan, baik dari segi pembangunan ekonomi, sosial dan negara. Akan tetapi semua dimensi pembangunan itu berpaksikan kepada pembangunan insan itu sendiri, kerana manusia yang menjadi penentu kepada hala tuju proses pembangunan. Sedangkan segala bentuk material bersifat jumud atau beku dan manusialah yang mencorakkan dan memakmurkan segala sumber pengeluaran agar dapat dimanfaatkan bersesuaian dengan syariat Allah SWT. Penekanan aspek pembangunan manusia itu lebih penting dan ia mestilah ditunjangi dengan asas keimanan dan nilai ketuhanan serta ketaqwaan agar pembangunan masyarakat tidak terbangun hanya dalam bentuk perubahan yang rapuh dan tidak mempunyai daya tahan dalam menghadapi arus perubahan sosial yang sekularis dan terpesong dari norma-norma keagamaan.

## RUJUKAN

Abi al-Dunya, Abu Bakr (1410H/1990M). *Islah al-Mal*, Tahqiq Mustafa Muflih al-Qudhah, Cet. 1, Misr : Dar al-Wafa'.

Afzal Ur Rahman (1980). *Economic Doctrines Of Islam*, vol. 1, 2<sup>nd</sup> Edition. Lahore : Islamic Publications.

- Al-Hanawi, Muhammad Saleh ( 1983 ). Qira'at Fi Jadwa al-Masyru' Wa Siyasat al-Istimar. Kaherah : Al-Maktabah al- 'Arabi al-Hadith.
- Amin, Jalal (1984). Tanmiyah Am Tab'iyah Iqtisadiyah wa Thaqafiyah. Kaherah : Matbu'ah al-Qahirah.
- Al-Qaradawi, Yusuf (1998). Dawur Al-Qiyam Fi Al-Iqtisad Al-Islami. Kuala Lumpur : ABIM and Blue-t Sdn Bhd.
- Al-Sadr, Muhammad Baqir ( 1408H/1987M). Iqtisaduna , cet. Ke20, Beirut : Dar al-Ta'aruf al-Tabi'iyah.
- Al-Sabuni, Muhammad 'Ali (t.t). Sofwah Al-Tafasir. Cet. Ke 9, Jil. Ke 2, Kaherah : Dar al- Sabuni.
- Bonne, Alfred (1960). Studies in Economic Development. London : Routledge and Kegan.
- Gharaudi (1997). Masyru'u al-'Amal, Cet. 1, Beirut : Dar al-Adab.
- Haykal, 'Abd al-Aziz Fahmy ( 1988 ). Madkhal Lil al-Iqtisad al-Islami. Iskandariyah : Dar al-Jami' ah.
- Hawa, Sa'id (1405H/1985m). Al-Asas Al-Tafasir , Jil. 4, Cet. 1, Kaherah : Dar al-Salam.
- Ibrahim, 'Abd al-Rahman Zaki ( 1991). Ma'alim al-Iqtisad al-Islami, cet. 1, Iskandariah : Dar al-Jam'iyat al-Misriyah.
- Mahyuddin Yahya (2001). Tamadun Islam, Edisi ke2, Cet. Ke 9, Shah Alam, Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Parid Sheikh Ahmad (1987). Urusniaga Islam . Kertas Kerja Kursus Ekonomi Islam yang dibentangkan pada 14-18 Julai 1987, Anjuran Pusat Pengajian Ekonomi, Kajian Perniagaan dan Pengurusan ITM, Shah Alam.
- Muhammad Hisyam Mohammad (2007). Pembangunan Dari Perspektif Islam, cet. 1, Kuala Lumpur : MPH Group Publishing and IKIM.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1986). Pemikiran Ekonomi Islam . Jakarta : Media Dakwah.
- Muhammad Syukri Salleh (1990). Konsep dan Perlaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM : Penerbit USM.
- Muhsin Abd. Hamid (1998). Al-Islam Wa Al-Tanmiyah al-Ijtima'iyah, (ter) Abd. Rahim Mu'ti . Selangor : The International Institute of Islamic Thought , Malaysia and Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Mustapha Muhammad al-Jaisi al-Ahmadi (1982). Ramuan Tasawuf. Kota Bharu : Pustaka Aman Press.
- Qutb, Syed Muhammad (1997). " The Islamic Basis Of Development " dalam ' Islam And Development'. Indiana : The Association Of Muslim Social Scienties.
- Sadeq, Abul Hassan Muhammad (1990). Economic Development In Islam. Petaling Jaya, Selangor : Pelanduk Publications.
- Siddiqi, Muhammad Iqbal (1981). Economic Security In Islam, 1st Edition, Lahore, Pakistan : Kazi Publication.
- Sharif, M.R. ( 1970). Islamic Social Framework. Lahore ; Sh. Muhammad al-Siddieqy.
- Surtahmin Kastin Hasan (2001). Ekonomi Islam ; Dasar dan Amalan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.